

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 JULY 2016

# PEMBANGKANG DAN HALUAN PARTI DR.M

Oleh NOVANDRI HASAN BASRI

**P**eristiwa sebahagian kecil angkatan tentera Turki yang cuba merampas kuasa dan mengguling kerajaan negara itu yang dipilih secara demokrasi sepatutnya mengajar rakyat Malaysia tentang satu perkara yang sangat penting. Cubaan untuk menjatuhkan kerajaan sedia ada melalui demonstrasi dan pelbagai kaedah jahat dan tidak sah menurut undang-undang, tidak patut disokong oleh mana-mana warganegara ini.

Perlembagaan negara telah memastikan hak setiap warganegara yang layak untuk memilih wakil rakyat dan parti sebagai Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri melalui satu platform yang khusus dan sah iaitu pilihan raya.

Walaupun terdapat pelbagai tuduhan dan tohmahan terhadap ketelusan sistem pilihan raya ini oleh pembangkang, tuduhan-tuduhan mereka itu ternyata tidak berasas dan tidak dapat dibuktikan.

Hanya melalui sistem pilihan raya ini sahaja yang akan dapat menerbitkan atmosfera yang lebih aman dan kondusif untuk sesebuah negara.

Kerana itu juga kita nampak perbezaan pendekatan yang telah diambil oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad. Sebelum ini beliau dilihat gagal menjatuhkan Datuk Seri Najib Tun Razak dari dalam parti walaupun beliau adalah bekas presiden parti UMNO.

Sudah pasti wujud percanggahan pendapat tentang sikap Dr. Mahathir ketika itu termasuk ahli-ahli UMNO sendiri memandangkan beliau ialah seorang pemimpin utama negara selama 22 tahun.

Tetapi itu masih dapat dirasionalkan dengan menganggap bahawa perbezaan pendapat adalah satu perkara yang lum-

Oleh sebab itu, Dr. Mahathir mahu satu parti politik yang baharu dan inilah pendekatan terkini beliau setelah gagal mengguna pakai kaedah-kaedah lain sebelum ini.

rah di dalam sesebuah organisasi.

Kemudian Dr. Mahathir melakukan sesuatu yang tidak disangka-sangka. Ibarat melanggar prinsip sendiri, diajar dan dituntut kepada setiap ahli supaya setia kepada parti, beliau telah bersekolong dengan puak-puak parti politik yang selama ini menghina dan mengutuk beliau.

Pemimpin-pemimpin politik yang pernah ditahan semasa era beliau kini duduk di sebelah kiri dan kanan bekas Perdana Menteri itu.

Perkara ini tidak dapat diterima oleh ramai pihak terutamanya apabila Dr. Mahathir mengesahkan pendirian beliau untuk bekerjasama dengan DAP, parti yang bukan sahaja tidak demokratik dan kuku besi tetapi rasis, korup dan mengamalkan nepotisme yang nyata.

Kita tidak terfikir yang Dr. Mahathir sanggup merendahkan maruah beliau untuk bekerjasama dengan DAP ini dan parti-parti pembangkang lain. Dan kini, Dr. Mahathir dilihat lebih terdesak. Ada dua perkara yang telah diumumkan oleh beliau.

Pertama, satu pakatan pembangkang yang baharu. Kedua, satu parti politik yang baharu.

Ironinya, tidak ramai pihak yang mengulas tentang isu 'satu pakatan pembangkang baharu' yang terdiri daripada DAP, PAN, PKR dan satu parti politik baharu.

Isu ini jarang disoal kepada

Um - 19/7/2016  
pemimpin-pemimpin pembangkang mahu pun BN. Padahal, isu ini amat besar dan bakal memporak-perandakan lagi Pakatan Harapan yang juga terdiri daripada PKR, PAN dan DAP.

Apa tidaknya, pembentukan pakatan pembangkang yang baharu itu secara tidak langsung menafikan Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail sebagai ketua pembangkang dan menolak pakatan harapan kecuali jika Dr. Mahathir mengiktiraf Wan Azizah sebagai ketua beliau dalam pakatan pembangkang baharu ini.

Rasionalnya, Dr. Mahathir tidak mungkin mahu di bawah sesiapa, apa lagi di bawah Wan Azizah. Malah, Dr. Mahathir pernah berkata bahawa negara ini tidak boleh terima manusia yang moral terlalu rendah untuk menjadi pemimpin dan malu dengan pemimpin seperti Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kerana itu, yang hanya kedengaran adalah kenyataan Anwar dan Tan Sri Muhyiddin Yassin tentang perlunya kesepakatan kerjasama sesama parti pembangkang tetapi bukannya penubuhan satu lagi pakatan pembangkang yang baharu.

Apakah ini juga bermaksud, cadangan Dr. Mahathir untuk membentuk satu cadangan pakatan pembangkang ini ditolak mentah-mentah oleh parti-parti pembangkang?

Logiknya, Dr. Mahathir tidak mungkin akan memohon menjadi ahli parti PKR, PAN atau pun DAP dan perlu menunggu Wan Azizah, Mat Sabu atau pun Lim Guan Eng untuk meluluskan permohonan keahlian beliau ke dalam parti tersebut.

Dr. Mahathir juga ada pengikut-pengikut, kroni dan rakan-rakan politik beliau sendiri. Tidak mungkin pemimpin-pemimpin dalam DAP, PKR dan PAN sanggup mengundur diri dan memberi laluan kepada ahli-ahli politik yang pro-Dr.M itu.

Dan bagi pakatan harapan, pihak yang menumpang dan menagih kerjasama ialah Dr. Mahathir, bukannya mereka. Oleh sebab itu, Dr. Mahathir mahu satu parti politik yang baharu dan inilah pendekatan terkini beliau setelah gagal mengguna pakai kaedah-kaedah lain sebelum ini.

Kerana itu juga, penganalisis politik berpendapat bahawa prinsip awal Dr. Mahathir yang mahu jatuhkan Najib seorang, kini telah menyimpang jauh kerana beliau juga mahu jatuhkan parti UMNO dan BN sekali gus.

Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak 2016, Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar dan Kuala Kangsar adalah bukti betapa teruknya kerjasama di antara parti-parti pembangkang.

DAP dan PKR bertembung di enam kerusi DUN PRN Sarawak dan mereka kalah di kesemua kerusi itu. Begitu juga di Kuala Kangsar dan Sungai Besar.

Dan sekarang, bakal wujud satu lagi parti politik baharu Dr. Mahathir yang akan turut berebut kerusi parlimen dan DUN yang telah diidam-idamkan oleh PKR, PAN dan DAP sebelum ini.

Sanggupkah DAP, PKR dan PAN menggadaikan kerusi-sasaran mereka semata-mata untuk memuaskan hati Dr. Mahathir, individu yang terlibat menahan dan memenjarakan mereka, satu ketika dahulu?

Pembangkang akan menepis atau memandang sinis soalan cepumas ini. Mereka akan menafikan akan wujudnya sebarang perbalahan dan perebutan kerusi, sama seperti sebelum PRN Sarawak, PRK Kuala Kangsar dan PRK Sungai Besar. Tetapi akhirnya, mereka bertelagah sesama sendiri dan rakyat yang tertipu dengan wayang politik pembangkang itu.

DR. NOVANDRI HASAN BASRI ialah penganalisis politik.